



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya

No. Telefon : 03 - 8090 4696

## **SIARAN SEGERA**

### **PELAKSANAAN BANCI PERTANIAN 2024 SECARA RASMINYA BERMULA HARI INI**

**KANGAR, 7 JULAI 2024** – *Kick Off* Operasi Lapangan Banci Pertanian 2024 oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Pesuruhjaya Banci Pertanian bertempat di Kangar, Perlis pada hari ini. Banci Pertanian 2024 telah bermula pada hari ini, 7 Julai 2024. Tempoh pelaksanaannya adalah dari bulan 7 Julai 2024 hingga 10 Oktober 2024.

Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri bersama anggota pembanci lapangan seluruh negara telah memulakan operasi luar ke tempat kediaman atau pertubuhan bersempena Hari Banci Pertanian 2024 yang telah ditetapkan pada 7 Julai 2024 (Ahad). Manakala, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Pesuruhjaya Banci Pertanian turut melawat Encik Johari bin Din yang telah mengusahakan penanaman pegaga seluas 1.42 ekar, dengan hasil tuaian 2 kali setahun. Selain itu, Encik Johari bin Din, turut menanam tanaman sampingan seperti misai kucing dan kenunting cina. Hasil tanam beliau akan dibekalkan untuk memproses minuman herba.

Liputan banci merangkumi empat (4) subsektor iaitu Tanaman, Ternakan, Perikanan & Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan. Banci Pertanian 2024 penting dalam menghasilkan penanda aras (*baseline*) baharu bagi mewujudkan pangkalan data yang komprehensif dan *reliable*. *Baseline* baharu ini penting untuk menyediakan data asas merangkumi pelbagai aspek pertanian mengikut piawaian yang standard dan klasifikasi yang seragam; memudahkan perbandingan dan penandaaras antarabangsa; memastikan sumber yang terhad digunakan dengan berkesan untuk menyokong pembangunan pertanian; dan merangka dasar dan strategi yang berkesan berasaskan bukti untuk menangani cabaran dan memanfaatkan peluang dalam pertanian.

Parameter utama banci yang akan diliputi dalam soal selidik Banci Pertanian 2024 telah mengambil kira keperluan bagi Rancangan Malaysia Ke-12 dan *Sustainable Development Goals* (SDG) yang seterusnya akan dapat memenuhi keperluan bagi Dasar Agromakanan Negara dan Dasar Agrokomoditi Negara. Pengumpulan data melalui pelaksanaan banci ini merangkumi 11 tema yang disarankan oleh World Census Agriculture 2020 iaitu Ciri demografi Pertanian; Tanah dan keluasan bertanam; Sistem pengairan; Pekerjaan dan gaji & upah; Latar belakang Pendidikan; Agropelancongan; Kemudahan pembiayaan; Pendapatan, perbelanjaan dan aset; Amalan Pertanian dan penggunaan teknologi; Ekonomi digital bagi tujuan pemasaran; dan Keterjaminan makanan.

Dapatan Banci Pertanian dapat menyediakan statistik pertanian *real time* dan komprehensif yang akan memberi manfaat berguna kepada semua pihak termasuk pemegang taruh, kerajaan negeri, penyelidik, ahli akademik, pengusaha Pertanian dan orang awam. Banci Pertanian 2024 disasarkan untuk mencapai salah satu *outcome* utama iaitu membangunkan satu Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu yang akan mengandungi maklumat rantai pertanian (hulu dan hilir) yang akan dikemaskini secara berkala. Dengan tercapainya *outcome* banci pertanian akan menjadikan negara bergerak ke arah agenda pertanian melalui pembuatan keputusan berasaskan bukti selaras dengan keperluan dan perubahan persekitaran yang menuntut data yang holistik, komprehensif, relevan dan bertepatan masa.

Kejayaan Banci Pertanian 2024 sememangnya memerlukan kerjasama semua pengusaha isi rumah, institusi dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertanian. Justeru, semua pihak yang terlibat di seluruh negara diseru memberi kerjasama penuh dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 yang akan dilaksanakan bermula pada 7 Julai sehingga 10 Oktober 2024.

Maklumat lanjut berkaitan Banci Pertanian 2024 boleh dilayari di portal Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu [www.myagricensus.gov.my](http://www.myagricensus.gov.my) dan laman Facebook Banci Pertanian 2024 [www.facebook.com/bancipertanian2024/](https://www.facebook.com/bancipertanian2024/).

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT PESURUHJAYA BANCING  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
7 JULAI 2024**